



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

17.03.2023

❖ **Apabila Cassandra membunyikan semboyan kejatuhan pasaran, perlukah pelabur menentukan masa pasaran?**

Mungkin sukar bagi sesetengah pihak untuk membayangkan kejatuhan pasaran secara besar-besaran dalam masa terdekat, kerana tidak lama dahulu pandemik Covid-19 telah mencetuskan kejatuhan bebas dalam ekuiti global pada awal tahun 2020.

Namun sejak akhir-akhir ini, beberapa "Cassandra" terkenal seperti Michael Burry, Nassim Taleb dan Nouriel Roubini telah memberikan amaran akan berlaku kejatuhan yang dahsyat. Sekiranya ramalan mereka terbukti tepat, kejatuhan yang diramalkan mungkin berlaku dalam masa terdekat dan ia bakal mengejutkan para pelabur.

Dalam konteks kewangan, istilah "Cassandra" merujuk kepada individu yang mengenal pasti dan memberikan amaran tentang risiko dalam pasaran kewangan atau meramalkan kemelesetan ekonomi tetapi disanggah atau diabaikan oleh mereka yang berada dalam industri kewangan atau khalayak umum. Istilah ini diambil sempena watak Cassandra dalam mitos Yunani, seorang paderi wanita Trojan yang disumpah untuk menyampaikan ramalan yang benar tetapi tidak akan dipercayai.

Mari kita ceritakan secara ringkas apa yang dikatakan oleh segelintir peramal pasaran baru-baru ini. Perlu diperhatikan bahawa walaupun pandangan mereka menjurus ke arah pasaran Amerika Syarikat (AS), namun kejatuhan pasaran yang ketara di AS berkemungkinan besar akan menjurus kepada kemerosotan dalam pasaran global, tidak terkecuali bursa tempatan kita. Seperti kata pepatah popular, "Apabila Amerika Syarikat bersin, seluruh dunia diserang selsema."

Michael Burry

Michael Burry yang dikenali ramai kerana berjaya dalam pertaruhanannya menewaskan gelembung pasaran hartanah AS pada pertengahan tahun 2000-an, yang dikisahkan dalam buku dan seterusnya diadaptasi menjadi filem berjudul "The

Big Short”, telah memberikan amaran sejak dua tahun lalu bahawa pasaran saham sedang menuju ke arah “ibu kepada segala kejatuhan”.

Pada bulan Januari, Burry membayangkan dalam ciapan beliau bahawa pasaran saham sedang menghampiri tepian tebing yang tinggi dan berpotensi menghadapi junaman yang sama seperti kejatuhan gelembung dotcom pada tahun 2001 - 2002.

Burry pernah dilabelkan sebagai Cassandra oleh Warren Buffett. Beliau juga meramalkan bahawa AS akan terjerumus ke dalam kemelesetan pada separuh kedua 2023 dan inflasi akan menurun secara keseluruhan (tetapi hanya melonjak semula apabila AS bertindak balas terhadap ekonominya yang lemah dengan dasar berperangsaan).

Nassim Taleb

Nassim Taleb, pengarang novel “The Black Swan”, baru-baru ini menyatakan “Disneyland sudah berakhir, kanak-kanak kembali ke sekolah” untuk memberi amaran kepada pelabur tentang proses kembali kepada realiti yang menyakitkan. Beliau berhujah bahawa paras pasaran saham terlalu dinilai berlebihan melainkan kadar faedah “secara ajaib” kembali ke paras hampir sifar. Namun Rizab Persekutuan AS (Fed) tidak akan membenarkannya kerana mereka “menyedari kadar sifar tidak berkesan” dan hanya mencipta “pertumbuhan kosmetik”.

Menurut Taleb, apabila prestasi saham yang kukuh tidak lagi didasarkan pada syarikat yang melaporkan aliran tunai positif, maka bermulalah bibit-bibit kejatuhan.

Universa Investments, dana lindung nilai yang mana Taleb bertindak sebagai penasihat, memaklumkan pelanggan mereka dalam sepucuk surat baru-baru ini, bahawa hutang yang meningkat merentasi ekonomi global berpotensi mencetuskan malapetaka ke atas pasaran. Kesannya dikatakan setanding Kemelesetan Besar pada tahun 1930-an.

Nouriel Roubini

Nouriel Roubini, seorang ahli ekonomi tersohor yang dikenali sebagai “Dr. Doom” kerana jangkaan ekonominya yang bersifat pesimis meskipun ramalannya selalu tepat. Beliau percaya dunia ibarat sebuah kereta api yang bergerak perlahan-lahan di atas landasan menuju “malapetaka”. Beliau juga memberi amaran kemelesetan ekonomi AS adalah sesuatu yang bakal berlaku.

Selama berbulan-bulan, Roubini telah memberikan amaran tentang “krisis hutang stagflasi yang hebat” yang menggabungkan unsur terburuk stagflasi pada 1970-an dan krisis hutang tahun 2008.

Awal bulan ini, Roubini mengulangi ramalannya yang menyatakan kita bakal menempuhi “badai yang sempurna”. Beliau menjangkakan Fed akan menaikkan kadar “lebih tinggi” daripada 6% supaya inflasi kembali ke sasaran 2%. Ini boleh mencetuskan kemelesetan yang teruk, kejatuhan pasaran saham dan lonjakan dalam kemungkiran hutang, yang memberikan Fed tiada pilihan selain berhenti menentang inflasi dan membiarkan harga melonjak di luar kawalan.

Pemasaan pasaran – kerja yang sia-sia?

Selepas membaca ramalan yang begitu menakutkan, pelabur yang emosinya terkesan mungkin cenderung untuk menentukan masa pasaran dengan mengeluarkan tunai dan cuba memasuki semula apabila harga saham menjadi rendah. Walau bagaimanapun, percubaan untuk berbuat demikian adalah kesilapan yang merugikan dan boleh mengakibatkan mereka terlepas peluang.

Banyak kajian menunjukkan bahawa pemasaan pasaran tidak berkesan untuk menjana pulangan yang lumayan berbanding pendekatan tradisional iaitu beli-dan-pegang dalam jangka masa panjang.

Disebabkan ini, kebanyakan pelabur biasanya dinasihatkan supaya berpegang pada pepatah lama iaitu "Masa dalam pasaran lebih baik daripada pemasaan pasaran." Pepatah ini tidak ternilai harganya kerana ia pernah diujarkan dan ditegaskan oleh ramai pelabur yang berjaya dengan rekod prestasi terbaik sepanjang masa seperti Buffett dan Peter Lynch.

Lynch dan Buffett telah menunjukkan bahawa pelaburan yang berjaya bukanlah disebabkan ramalan jangka pendek atau cuba menentukan masa pasaran, tetapi lebih kepada mengenal pasti syarikat berkualiti tinggi dengan asas yang kukuh dan memegang pelaburan tersebut untuk jangka panjang.

Howard Marks, pelabur terhormat yang memonya dibaca secara meluas oleh para pelabur termasuk Buffett, juga memberi amaran supaya tidak cuba menentukan masa pasaran dan menolak ramalan makroekonomi.

Walaupun bagaimanapun, Marks percaya bahawa pelabur perlu mengamalkan corak pemikiran yang termasuk mencari pemahaman yang jelas tentang kedudukan semasa dalam kitaran pasaran, membangunkan pemahaman yang melebihi orang awam tentang kecenderungan masa depan serta menempatkan portfolio dengan sewajarnya.

Pada pandangan beliau, kedudukan pasaran dalam kitaran menentukan kebarangkalian pulangan masa depan. Pasaran yang menghampiri penghujung kitarannya mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi berbanding pasaran yang berada lebih dekat dengan permulaan kitaran. Kedudukan pasaran dalam kitaran menentukan kebarangkalian hasil di masa hadapan.

Bagaimanapun, telahan ini boleh menyebabkan kita tersasar daripada matlamat pelaburan utama jika kita cenderung mempercayainya. Namun kita juga tidak seharusnya mengambil mudah dan mengetepikan kebimbangan terhadap kebarangkalian krisis yang akan berlaku. Lebih-lebih lagi apabila ia disuarakan oleh Cassandra moden yang mana ramalan mereka kerap kali menjadi kenyataan.

Walaupun dalam jangka pendek, pandangan yang dilontarkan oleh Cassandra mungkin dilihat sebagai bercanggah atau bersifat pesimis, namun ia wajar dijadikan sandaran supaya kita boleh membuat persediaan sewajarnya agar dapat mengurangkan kesan jika berlaku krisis kewangan.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 20 hingga 24 Mac 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
22.03.23 (Rabu) 10.00 pagi	Malton Berhad (EGM)	Malton melalui syarikat usaha sama 51%nya iaitu Regal Path Sdn Bhd bercadang untuk menjual pusat beli belah Pavilion Bukit Jalil kepada Pavilion Real Estate Investment Trust pada harga RM2.2 bilion.
24.03.23 (Jumaat) 10.30 pagi	CAB Cakaran Corporation Berhad (AGM)	<p>Jumlah pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 13.4% tahun ke tahun kepada RM1.95 bilion (tahun kewangan 2021: RM1.72 bilion) disebabkan kenaikan harga makanan di Malaysia seperti daging ayam dan produk berkaitan makanan lain.</p> <p>Selaras dengan peningkatan harga jualan, kumpulan mencatatkan untung kasar yang lebih tinggi berjumlah RM175.57 juta berbanding RM86.25 juta pada tahun kewangan 2021, namun kos bahan mentah yang lebih tinggi menjejaskan peningkatan margin untung kasar Kumpulan.</p> <p>Selain itu, peningkatan kos operasi menyebabkan perbelanjaan pentadbiran menjadi lebih tinggi.</p> <p>Kumpulan mencatatkan untung bersih berjumlah RM56.33 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding rugi bersih RM30.27 juta pada tahun sebelumnya, hasil subsidi ayam yang diberikan oleh kerajaan berjumlah RM25.86 juta, yang meningkatkan pendapatan lain Kumpulan kepada RM44.24 juta (tahun kewangan 2021: RM20.97 juta).</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
CAB Cakaran Corporation Berhad (AGM)	<p>1. Hutang lapuk yang dihapus kira meningkat dengan ketara kepada RM2.8 juta (2021: RM0.1 juta). (Halaman 84, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah yang terangkum dalam hutang lapuk yang dihapus kira? Apakah usaha yang diambil oleh Syarikat untuk mendapatkan semula RM2.8 juta sebelum ia dihapus kira?</p> <p>2. Elaun kerugian bagi penghutang perdagangan pada tahun kewangan 2022 meningkat dengan ketara kepada RM4.0 juta (2021: RM1.3 juta), manakala jumlah elaun kerugian bagi penghutang perdagangan kekal tinggi iaitu berjumlah RM25.8 juta (2021: RM21.8 juta). (Nota 26, Halaman 156, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam elaun kerugian ke atas penghutang perdagangan pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah usaha dan tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula penghutang perdagangan yang terjejas sebanyak RM25.8 juta?</p> <p>c) Setakat ini, berapakah jumlah penghutang perdagangan yang terjejas telah berjaya dikutip?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual

atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.